

16 JUL 2003

Crimea-Masjid/I

REPUBLIK AUTONOMI CRIMEA HARGAI SUMBANGAN MALAYSIA

Oleh: Mohd Kamel Othman

SIMFEROPOL (Ukraine), 16 Julai (Bernama) -- Republik Autonomi Crimea amat menghargai sumbangan US\$10,000 (RM38,000) daripada kerajaan Malaysia bagi membina semula sebuah masjid berusia 450 tahun di bandar raya Evpatoria.

"Rakyat Crimea ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana sumbangan ini begitu bermakna kepada kami," kata perdana menterinya, Sergiy Kunizyu.

Sumbangan itu disampaikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Kunizyu pada majlis ringkas di Lapangan Terbang Antarabangsa Simferopol sempena lawatan rasmi empat hari perdana menteri ke Ukraine.

Terdahulu, Dr Mahathir melawat Odessa, sebuah bandar pelabuhan di selatan Kiev, ibu negara Ukraine.

Dr Mahathir meninjau Pelabuhan Odessa dan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usaha sama antara JM Ventures Sdn Bhd dan Odessa Port Transshipment Complex LLC serta perjanjian kerjasama teknikal antara sebuah syarikat mikik negara Ukraine, UKRSEXPOR dan Yasmin Marine Technology Sdn Bhd serta UKRSEXPOR dan AMP Corporation Sdn Bhd.

Dr Mahathir diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed.

Semasa berucap di Simferopol, Dr Mahathir melahirkan harapan agar sumbangan kerajaan Malaysia itu akan mengembalikan sedikit sebanyak persekitaran yang pernah dialami oleh penduduk Crimea suatu ketika dulu.

Mengimbau kembali sejarah kaum Tartar, Dr Mahathir berkata tragedi pengusiran lebih 188,000 orang daripada suku kaum itu dari tanah tumpah darah mereka ke Asia Barat dan tempat-tempat lain dari Rusia, akan sentiasa diingati.

Seluruh penduduk dari suku kaum Tatar di Crimea menjadi mangsa kepada dasar penindasan yang diperkenalkan oleh Stalin semasa Perang Dunia Kedua.

"Saya difahamkan bahawa Republik Autonomi Crimea sedang berusaha dengan gigih untuk menempatkan semula anggota suku kaum Tartar pulang ke tanah air mereka dan mengambil berat tentang keperluan mereka.

"Kami kagum dengan perjuangan suku kaum Tartar di Crimea untuk membina semula kehidupan mereka menuntut hak mereka daripada segi kenegaraan dan kebudayaan sekalipun menghadapi rintangan besar daripada segi sosial dan politik," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MKO MFJ SP MAI